SULIT*

15/8/2011/Isnin
0800-1100

900/2

PERCUBAAN STPM
2011

JABATAN PELAJARAN NEGERI TERENGGANU
(TERENGGANU STATE EDUCATION DEPARTMENT)

PEPERIKSAAN PERCUBAAN 2011

SIJIL TINGGI PERSEKOLAHAN MALAYSIA
(MALAYSIA HIGHER SCHOOL CERTIFICATE)

PENGAJIAN AM
KERTAS 2

(Tiga jam)

Arahan kepada calon:

Jawab **enam** *soalan. Pilih* **satu** *soalan daripada tiap-tiap Bahagian A, B, D dan E dan* **dua** *soalan dalam Bahagian C.*

Gunakan lembaran kertas yang berlainan bagi tiap-tiap bahagian.

Markah bagi tiap-tiap soalan diberikan dalam tanda kurung [ ]

NOTA

Bersama dengan kertas soalan ini anda harus menerima kertas graf. Jika tidak, sila minta daripada pengawas peperiksaan.

Disediakan oleh:
AKRAM NEGERI TERENGGANU

Dibiayai oleh:
KERAJAAN NEGERI TERENGGANU

Dengan Kerjasama:
MPSM Negeri Terengganu

TERENGGANU NEGERI ANJUNG ILMU

Dicetak oleh:
Percetakan Yayasan Islam Terengganu Sdn. Bhd.
Tel: 609-666 8611/6652/8601 Faks: 609-666 0611/0063

Kertas soalan ini terdiri daripada 8 halaman bercetak

© Majlis Peperiksaan Terengganu 2011
http://edu.joshuatly.com/

Bahagian A

Pilih **satu** *daripada tajuk-tajuk di bawah ini, dan tulis karangan yang panjangnya antara 250 hingga 300 patah perkataan.* [25]

1 Walaupun wujud pelbagai cabaran, namun usaha terus dilakukan oleh kerajaan untuk memajukan sektor pelancongan negara. Jelaskan penyataan ini.

2 "Kumpulan masyarakat yang dikenali sebagai Orang Kelainan Upaya (OKU) merupakan sebahagian daripada kehidupan masyarakat normal." Bincangkan implikasi peningkatan kumpulan OKU ini.

Bahagian B

Pilih **satu** *daripada tajuk-tajuk di bawah ini, dan tulis karangan yang panjangnya antara 250 hingga 300 patah perkataan.* [25]

3 Pelbagai faktor dikenal pasti menyebabkan berlaku kesan rumah hijau. Fenomena ini telah menimbulkan pelbagai kesan kepada alam sekitar.
Bincangkan.

4 Kementerian Pelajaran telah mengenal pasti masalah pemakanan dalam kalangan kanak-kanak merupakan punca kanak-kanak mengalami masalah obesiti.
Selain faktor di atas, bincangkan faktor-faktor lain yang menyebabkan berlaku masalah berkenaan.

http://edu.joshuatly.com/

Bahagian C

5 (a) "Penurunan dolar Amerika Syarikat (AS) dari nilai AS$1 bersamaan RM3.30, kini telah menurun ke paras sehingga RM2.97, telah memberi faedah paling besar kepada mereka yang suka membeli belah menggunakan internet. Dengan nilai wang yang sama, kuantiti barangan diperoleh berganda. *Ebay* kini antara laman wajib dilayari setiap masa jika berminat membeli barangan luar negara meskipun boleh didapati di dalam negara."

(Disesuaikan daripada *Berita Harian*, Rabu, 4 Mei 2011)

(i) Apakah yang dinikmati dengan penurunan dolar berbanding ringgit?

(ii) Dengan menggunakan tidak lebih daripada 50 patah perkataan, jelaskan kesan negatif penurunan dolar AS berbanding Ringgit Malaysia dalam jangka panjang.

Atau

(b) "Penguatkuasaan Akta Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam 2007 (Akta 672) mulai 1 Spetember ini, sekali gus melaksanakan penswastaan perkhidmatan kutipan sisa pepejal isi rumah. Penguatkuasaan ini mahu melihat prestasi pengurusan sisa pepejal dan pembersihan awam dipertingkat dan dilakukan sebaik mungkin oleh syarikat yang terpilih di samping membolehkan pihak PBT menumpukan perhatian kepada aktiviti pungutan hasil, penguatkuasaan dan pembangunan ...."

(Disesuaikan daripada *Mingguan Malaysia*,
Ahad, 3 Julai 2011)

(i) Apakah tujuan penguatkuasan Akta Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam 2007?

(ii) Dengan menggunakan tidak lebih daripada 50 patah perkataan, jelaskan mengapa kempen kitar semula sisa barangan pepejal kurang mendapat sambutan.

http://edu.joshuatly.com/

6 (a) Gabungan asap rokok aliran sisi dari bahagian yang menyala dan asap rokok aliran utama yang dihembus keluar perokok menjadi ancaman kepada mereka yang bukan perokok. Mengikut Kementerian Kesihatan, perokok pasif mempunyai risiko 30 peratus lebih tinggi mendapat kanser paru-paru dan 25 peratus lebih tinggi mendapat penyakit jantung. Hal ini menunjukkan orang-orang yang berada berhampiran perokok terutamnya isteri dan anak-anak kecil terdedah kepada risiko asap rokok pasif.

(Dipetik dan diubahsuaikan daripada *Bahagian Pendidikan Kesihatan, Kementerian Kesihatan Malaysia)*

i) Apakah yang dimaksudkan dengan perokok pasif?

ii) Dengan menggunakan tidak lebih daripada 50 patah perkataan, nyatakan usaha-usaha yang boleh dilakukan untuk membendung kesan daripada aktiiviti merokok.

Atau

(b) Pada kebiasaannya masyarakat awam berpendapat bahawa "wet lands" merupakan kawasan berlumpur, kotor serta dipenuhi dengan nyamuk dan serangga. Kawasan ini merupakan tanah basah hanya sesuai digunakan sebagai kawasan pembuangan sampah sarap semata-mata. Sebenarnya, habitat "wet lands" merupakan satu daripada ekosistem yang paling produktif yang dapat menjalankan pelbagai fungsi sebagai kawasan tadahan air serta kaya dengan hidupan marin. Oleh itu, "wet lands" mempunyai peranan yang penting dalam sistem ekologi

(Dipetik dan disesuaikan daripada *Dewan Kosmik,* Jun 1997)

i) Apakah yang anda faham dengan istilah "wet lands"?

ii) Dengan menggunakan tidak lebih daripada 50 patah perkataan nyatakan sumbangan 'wet lands' kepada ekologi.

http://edu.joshuatly.com/

Bahagian D

Jawab **satu** *soalan sahaja dalam bahagian ini. Jawapan hendaklah dibuat pada kertas graf.*

[15]

7 Berdasarkan maklumat yang diberikan di bawah ini, sediakan graf yang sesuai untuk menunjukkan perubahan jumlah guna tenaga sektor pertanian dari tahun 2007 hingga tahun 2010.

Sektor pertanian di negara ini memberi sumbangan yang agak besar terhadap penawaran peluang pekerjaan kepada penduduk tempatan. Pada tahun 2007, jumlah guna tenaga dalam empat sektor yang terlibat, iaitu sektor penanaman, pemprosesan, pemasaran serta pengetinan dan pembungkusan berjumlah 19381orang. Jumlah ini tidak termasuk jenis-jenis pekerjaan yang lain. Daripada jumlah tersebut, sektor pemasaran mencatatkan jumlah yang terbesar, iaitu seramai 6745 orang, diikuti oleh sektor pengetinan dan pembungkusan seramai 5679 orang, penanaman seramai 4524 orang dan yang selebihnya sektor pemprosesan.

Pada tahun 2008, jumlah guna tenaga sektor ini bertambah seramai 2511 orang berbanding jumlahnya bagi tahun 2007. Daripada jumlah ini, sektor pemasaran memerlukan jumlah guna tenaga yang paling ramai, iaitu seramai 7134 orang, diikuti oleh jumlah pekerja dalam bahagian pengetinan dan pembungkusan seramai 6221 orang. Guna tenaga yang mencatat angka terendah adalah kekal, iaitu yang melibatkan sektor pemprosesan, hanya 3216 orang. Guna tenaga selebihnya terlibat dalam kerja-kerja penanaman. Jumlah guna tenaga sektor pertanian dijangka akan bertambah dengan ketara bagi tahun-tahun berikutnya disebabkan penekanan yang lebih serius telah diberikan oleh kerajaan kepada sektor ini.

Pada tahun 2010, jumlah guna tenaga sektor ini meningkat sebanyak 47.29 peratus berbanding tahun 2007. Guna tenaga dalam sektor pengetinan dan pembungkusan berjumlah 7820 orang, manakala sektor pemasaran mencatatkan angka terbanyak, iaitu 9472 orang. Sektor pemprosesan masih mencatatkan angka terkecil, iaitu 4728 orang dan yang selebihnya ialah pekerja bagi kegiatan penanaman. Pada tahun sebelumnya, iaitu tahun 2009, jumlah guna tenaga yang melibatkan kerja-kerja penanaman ialah seramai 5847 orang, melebihi 1431 tenaga kerja dalam bidang pemprosesan. Sektor pemasaran pula mencatatkan jumlah 8539 orang, manakala bahagian pengetinan dan pembungkusan mencatatkan angka 6997 orang.

(Dipetik dan diubahsuai daripada Buku Perangkaan Laporan Ekonomi, 2009/2010)

http://edu.joshuatly.com/

8 Berdasarkan maklumat yang diberikan di bawah ini, sediakan carta yang sesuai untuk menunjukkan bilangan calon yang mengikuti beberapa Program Pengajian Sains di Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA)yang terpilih bagi sesi 2009/2010.

Setiap tahun universiti dan kolej universiti awam menerima kemasukan pelajar baru untuk sesi pengajian yang bermula bulan Julai. Seramai 39976 orang lulusan matrikulasi, Sijil Tinggi Persekolahan (STPM) dan kelulusan yang setaraf telah ditawarkan tempat di tujuh buah Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA) bagi sesi Julai 2009/2010.

Calon paling ramai ditempatkan dalam program Kejuruteraan Elektronik iaitu seramai 8748 orang. Manakala calon yang mengikuti program Kejuruteraan Mekanikal kurang sebanyak 307 orang daripada jumlah calon yang ditempatkan untuk program kejuruteraan Elektronik. Kemasukan pelajar ke program Kejuruteraan Kimia hanya 15.5 peratus daripada jumlah keseluruhan calon.

Program perubatan mendapat tempat ketiga dalam senarai program yang terdapat di IPTA yang terpilih. Ramai pelajar daripada kaum Cina yang berminat dengan program ini. Jumlah mereka yang terlibat dalam program tersebut seramai 6676 calon. Program Farmasi semakin diminati oleh calon. Bilangan ini semakin bertambah dari tahun ke tahun. Pada sesi ini, dia mencatat angka kepada 4845 orang. Program Pergigian hanya mengambil sebanyak 12.68 peratus daripada jumlah keseluruhan calon.

Keseluruhan program ditawarkan kepada tujuh buah IPTA terpilih di seluruh negara bagi sesi 2009/2010. Penempatan pelajar di Universiti Malaya melebihi daripada universiti-universiti lain. Seramai 8115 orang ditempatkan di Universiti Malaya sementara Universiti Kebangsaan menempatkan pelajarnya seramai kurang 2.3 peratus berbanding dengan Universiti Malaya. Tempat ketiga paling ramai pelajar ialah di Universiti Islam Antarabangsa iaitu sebanyak 17.4 peratus daripada jumlah keseluruhan. Penempatan pelajar ke Universiti Teknologi Malaysia dan Universiti Putera Malaysia, masing-masing 15.2 peratus dan 11.9 peratus. Dua lagi universiti yang terpilih ialah Universiti Sains Malaysia iaitu 10.5 peratus dan selebihnya di Universiti Utara Malaysia.

(Dipetik dan diubahsuai daripada Buku
Perangkaan *Laporan Ekonomi, 2009/2010)*

http://edu.joshuatly.com/

Bahagian E

Jawab **satu** *soalan sahaja dalam bahagian ini.* [15]

9 Berdasarkan jadual di bawah, bandingkan kedudukan kemalangan mengikut kategori kenderaan terpilih antara tahun 2008 dengan 2009. Jelaskan juga mengapa sikap pengguna jalan raya masih belum berubah, walaupun statistik kemalangan masih tinggi.

Kemalangan yang dilaporkan kepada PERKESO bagi tempoh 2008-2009

SEKTOR	2008	2009
Motosikal	113 381	113 962
Motokar	441 109	472 307
Van	20 501	19 220
Bas	9 372	9 380
Lori	47 658	46 724
Pacuan 4 Roda	22 656	23 581
Jumlah Kenderaan Terlibat	**663 488**	**693 843**

(Disesuaikan daripada *Berita Minggu*, Ahad 3 April 2011)

http://edu.joshuatly.com/

10 Berdasarkan carta pai di bawah, huraikan pola perubahan kes aduan yang berkaitan dengan masalah perumahan antara tahun 2003 hingga tahun 2005. Jelaskan langkah-langkah untuk menangani masalah perumahan di kawasan bandar.

MALAYSIA: KES ADUAN YANG BERKAITAN MASALAH PERUMAHAN ANTARA TAHUN 2003 - 2005



(Disesuaikan daripada Jabatan Perumahan Negara Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan, 2007)

http://edu.joshuatly.com/